

15.4.2020

**KENYATAAN MEDIA**  
oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**  
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

## **LAKSANAKAN PEMBENIHAN AWAN DI PULAU PINANG DAN KEDAH SEKARANG**

- **Kapasiti efektif 6 empangan utama di Pulau Pinang dan Kedah sangat rendah.**
- **Pulau Pinang dan Kedah perlu air mencukupi untuk lawan COVID-19.**

PULAU PINANG, Rabu, 15.4.2020: Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membuat permohonan kepada Jabatan Meteorologi untuk segera melaksanakan pemberian awan bagi mencetuskan lebih banyak hujan di Pulau Pinang dan Kedah.

Permohonan ini perlu kerana kapasiti efektif 6 empangan utama di Pulau Pinang dan Kedah adalah rendah, berikutan cuaca kering luar biasa sejak separuh kedua tahun 2019.

**Kapasiti efektif empangan berkenaan adalah seperti berikut:**

No.	Empangan	Negeri	Kapasiti Efektif % (14.4.2020)
1.	Air Itam	Penang	33.3
2.	Teluk Bahang	Penang	20.9
3.	Mengkuang	Penang	68.3
4.	Muda	Kedah	4.4
5.	Beris	Kedah	39.6
6.	Pedu	Kedah	33.4

Selain itu, paras air Sungai Muda turun kepada 1.29m pada 14.4.2020, iaitu di bawah paras kritikal 1.5m. Paras normal Sungai Muda adalah melebihi 2.0m.

Empangan Muda dan Empangan Beris di Kedah dibina untuk melepaskan air ke Sungai Muda, sumber air mentah utama kepada Pulau Pinang dan selatan Kedah, semasa musim kering.

Menurut Jabatan Meteorologi, kita kini berada di dalam musim peralihan monsun dan hujan dijangka berlaku.

Walau bagaimanapun, Pulau Pinang memohon pemberian awan disegerakan untuk mengurangkan risiko kurangnya hujan. Dengan kehadiran awan hujan sekarang, ia adalah baik untuk menjalankan pemberian awan bagi mencetus hujan sebanyak mungkin kerana potensi kejayaan agak tinggi.

Kami memerlukan lebih banyak hujan sekarang di kawasan tадahan air 6 empangan utama di Pulau Pinang dan Kedah, serta Sungai Muda, kerana Pulau Pinang dan Kedah mesti mempunyai bekalan air yang mencukupi untuk melawan COVID-19.

Seramai 3.95 juta orang yang tinggal di Pulau Pinang dan Kedah memerlukan bekalan air yang berterusan setiap hari untuk mengamalkan kebersihan diri yang baik.

Kita tidak tahu berapa lama kita perlu melawan COVID-19, walaupun selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat.

Kita berharap Jabatan Meteorologi akan bertindak segera ke atas permohonan ini demi kepentingan kesihatan dan keselamatan awam.

**Beberapa kejadian tiada bekalan air sekejap-sekejap di kawasan tertentu**

PBAPP telah menerima beberapa aduan “tekanan air rendah” atau “tiada bekalan air” sekejap-sekejap daripada pengguna dalam beberapa hari yang lalu.

Aduan ini berkaitan dengan isu bekalan air yang dihadapi oleh beberapa penduduk di Pokok Ceri, Hye Keat Estate (Air Itam), Flat 420 Taman Bukit Bendera, Kampung Paya Terubong, Kampung Gertak Sanggul dan Mount Erskine (belakang Lorong Air Terjun).

Kawasan yang terkesan ini secara amnya diklasifikasikan sebagai “kawasan tanah tinggi” atau “kawasan hujung saluran paip”. Apabila penggunaan air terlalu tinggi, kawasan ini akan mengalami tekanan air rendah atau tiada bekalan air.



Respons PBAPP adalah dengan menghantar lori tangki air ke kawasan yang terjejas.

Kebiasaan PBAPP akan mempertingkatkan pengeluaran air di Loji Rawatan Air Itam dan/atau Loji Rawatan Air Batu Ferringhi untuk menangani isu-isu berkenaan.

Namun, dalam senario musim kering yang luar biasa ini, PBAPP tidak boleh secara agresif melepaskan simpanan air yang rendah di Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang untuk membekalkan lebih banyak air mentah ke loji rawatan air berkenaan.

Dalam konteks ini, PBAPP memohon maaf kepada semua pengguna yang ketika ini mengalami masalah “tekanan air rendah” atau “tiada bekalan air” sekejap-sekejap di Pulau Pinang.

PBAPP akan terus melakukan yang terbaik untuk meredakan keadaan. Walau bagaimanapun, kami memohon kesabaran dan kefahaman daripada pengguna air untuk ambil maklum bahawa punca utama adalah permintaan air yang tinggi pada waktu puncak, kerana keadaan yang agak luar biasa.

Walaupun begitu, PBAPP harus terus menumpukan kepada objektif utamanya “tidak ada catuan air dalam apa cara pun” hingga kapasiti empangan di Pulau Pinang terisi dengan mencukupi oleh air hujan.

Oleh itu, kami memohon Jabatan Meteorologi untuk menjalankan operasi pemberian awan sekarang.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakkah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)